

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN]
minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah
Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) sedang dan akan
dibangunkan sehingga kini di sekitar jajaran ECRL terutama di negeri
Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) seperti yang kita sedia maklum merupakan projek landasan kereta api sejauh 665 kilometer yang menghubungkan kawasan Lembah Klang dan bandar-bandar utama di Pantai Timur iaitu Bentong, Temerloh, Kuantan, Kemaman, Kuala Terengganu dan Kota Bharu. Projek ini dijangka akan memberi impak aglomerasi yang dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan perkembangan industri di sepanjang koridor ECRL.
2. Bagi tujuan itu, beberapa Projek Pemacu Ekonomi atau *Economic Accelerator Project* (EAP) telah dirancang. EAP turut merangkumi taman perindustrian, hab logistik dan pembangunan berorientasikan transit (TOD). Selain itu, sebarang projek pembangunan yang berkaitan dengan projek ECRL seperti hab kargo (*cargo hub*), pusat pelancongan dan lain-lain aktiviti ekonomi yang dapat meningkatkan penggunaan rel dan kargo, boleh diambil kira sebagai pembangunan EAP.
3. Sebanyak 14 TOD, 11 taman perindustrian, dan 6 hab logistik telah dikenal pasti untuk dibangunkan di sepanjang jajaran koridor ECRL. Daripada jumlah tersebut, 6 TOD, 4 taman perindustrian dan 1 hab logistik dirancang bagi negeri Terengganu. Lokasi adalah seperti berikut:
 - i. Stesen Jerteh – 1 TOD kediaman dan komersial;
 - ii. Stesen Bandar Permaisuri – 1 TOD kediaman dan komersial;
 - iii. Stesen Kuala Terengganu – 1 TOD kediaman dan komersial;
 - iv. Stesen Dungun – 1 TOD kediaman dan komersial, 2 taman perindustrian dan 1 hab logistik;
 - v. Stesen Kemasik – 1 TOD kediaman dan komersial serta 1 taman perindustrian; dan
 - vi. Stesen Chukai – 1 TOD kediaman dan komersial serta 1 taman perindustrian.

NO. SOALAN: 12

4. EAP berupaya mendatangkan kesan limpahan yang positif seperti berikut:

- (a) anggaran pelaburan keseluruhan dengan nilai RM68.4 bilion, merangkumi RM53.7 bilion bagi sektor pembinaan dan RM14.7 bilion pelaburan operasi. Projek ini juga dijangka akan mampu meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara daripada RM1.34 trilion pada tahun 2020 kepada RM1.4 trilion pada tahun 2047, menerusi peningkatan KDNK sebanyak RM52.8 bilion setiap tahun;
- (b) selain itu, projek-projek tersebut berpotensi mewujudkan 1,390,086 peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan menjelang tahun 2047;
- (c) projek-projek EAP juga akan dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi di setiap negeri yang terlibat. Jangkaan peningkatan KDNK di negeri Terengganu khususnya bagi tempoh bermula dari tahun 2020 sehingga tahun 2047 adalah meningkat daripada RM34.0 bilion (2020) kepada RM54.5 bilion (2047).

5. Pada masa ini, tarikh siap projek ECRL Fasa 1 dari Kota Bharu, Kelantan sehingga ITT Gombak, Selangor seperti yang dijadualkan iaitu pada 31 Disember 2026 manakala tarikh siap Fasa 2 iaitu dari Gombak sehingga ke Pelabuhan Klang, Selangor dijadualkan pada 31 Disember 2027.

Sekian, terima kasih.